

CNS8604

R GB 14-07 00156 BA230

bah

HANYA PROJEK PENTING RM6 AKAN DITERUSKAN, KATA MAHATHIR

Mahathir - RM6

KUALA TERENGGANU, 14 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hanya projek-projek yang dianggap penting akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) kerana perbelanjaan yang dikeluarkan sekarang telah melebihi siling belanjawan untuk rancangan itu.

Perdana Menteri berkata, tekanan ini memaksa kerajaan untuk berbelanja dengan lebih berhati-hati dengan memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek kemudahan asas.

Katanya, projek-projek yang dianggap penting termasuklah pembinaan lapangan terbang, landasan kereta api dan projek-projek pendidikan.

Kerajaan kini akan lebih bergantung kepada pihak swasta untuk membantu menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan, katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai pembangunan negeri Terengganu di Menara Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) di sini petang ini.

Menteri-menteri Kabinet turut hadir dalam majlis taklimat selama kira-kira sejam itu yang disampaikan oleh Menteri Besar Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad. -- Lagi.

▼14/07/18-21MST

CNS8672

R GB 14-07 00145 BA238

bah

Mahathir - RM6 2 Kuala Terengganu

Dr Mahathir berkata, kerajaan pusat bagaimanapun akan menimbangkan permohonan Kerajaan Negeri Terengganu untuk projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini,

Semasa taklimat berkenaan, Wan Mokhtar telah memohon peruntukan \$34 juta untuk projek pembinaan terminal baru dan memanjangkan landasan di lapangan terbang itu.

Perdana Menteri turut membidas badan-badan bukan kerajaan yang sering cuba menghalang projek-projek pembangunan di kawasan yang kaya dengan alam semula jadi dan menyifatkan mereka sebagai cuba menyekat rakyat yang miskin daripada menikmati hasil kemajuan,

Mereka (badan-badan bukan kerajaan) ini tinggal di tempat yang maju hasil daripada pembangunan dan mereka seharusnya turut memikirkan kemajuan di kawasan kediaman golongan miskin, katanya.

+Tapi kalau nak halang sama sekali projek kerana nak mengekalkan keadaan semula jadi...keadaan semula jadi rakyat di situ ialah miskin,+ katanya. -- Lagi.

▼14/07/19-13MST

CNS8673

R GB 14-07 00120 BA239

bah

Mahathir - RM6 3 (Akhir) Kuala Terengganu

Beliau menyifatkan keadaan itu sebagai tekanan dari negara maju yang mahu melihat negara ini tidak maju.

Perdana Menteri berkata, beliau berpuas hati dengan cara kerajaan Negeri Terengganu membelanjakan pendapatannya untuk projek pembangunan khususnya penyediaan infrastruktur kepada rakyat.

Kekayaan dari sumber gas dan minyak telah digunakan untuk kepentingan rakyat dan diharapkan rakyat Terengganu akan menyedari dan menikmati hasilnya.

Dr Mahathir yang tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi empat hari ke Terengganu, akan mempengerusikan mesyuarat kabinet di sini esok.

Malam ini beliau dan para anggota kabinet diraikan pada majlis jamuan malam di kediaman Menteri Besar di sini. -- Bernama.

▼14/07/19-13MST